

## Intervensi Visualisasi Tajwid: Keberkesanan Media *Flashcard* terhadap Pembelajaran Mengingat Huruf Mad (Hukum Nun Sakinah (نْ) dan Tanwin (ـَ, ـِ, ـُ))

Siti Nasuha Singki\*, Salinayanti Salim and Siti Aishah Chu Abdullah  
Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, 94300, Kota  
Samarahan, Sarawak, Malaysia

Received 31 July 2024, Revised 8 December 2025, Accepted 9 December 2025, Published 14 December 2025

\*Corresponding author's: [ssnasuha@unimas.my](mailto:ssnasuha@unimas.my)

---

### Abstrak

Ilmu tajwid merupakan aspek penting dalam membaca al-Quran kerana ia memastikan setiap huruf dilafazkan dengan betul mengikut makhraj dan sifatnya. Namun, penguasaan hukum tajwid, khususnya hukum nun sakinah (نْ) dan tanwin (ـَ, ـِ, ـُ), masih lemah dalam kalangan pelajar, terutamanya mereka yang berprestasi rendah. Kekeliruan dalam mengenal pasti dan mengaplikasikan hukum serta kekurangan bahan bantu mengajar yang interaktif menjadi antara penyebab utama. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman pelajar terhadap hukum tajwid tersebut melalui intervensi penggunaan media berasaskan flashcard dalam kelas Halaqah yang direka khusus untuk pelajar program Pendidikan Islam bagi memperkukuh kemahiran bacaan al-Quran mereka. Kajian ini menggunakan model kajian tindakan Kemmis dan McTaggart (1988) yang melibatkan empat fasa iaitu pemerhatian, perancangan, tindakan dan refleksi. Seramai 40 orang pelajar terlibat, namun hanya 12 orang pelajar berprestasi rendah dipilih sebagai fokus kajian berdasarkan keputusan ujian pra. Intervensi visualisasi tajwid berasaskan permainan media flashcard dilaksanakan selama sebulan bagi membantu pelajar mengenal, mengingat dan membezakan hukum nun sakinah dan tanwin. Hasil kajian menunjukkan peningkatan ketara dalam penguasaan tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan perbandingan ujian pra dan pos. Peningkatan ini dapat dikesan menerusi keputusan ujian pos yang dilaksanakan pada akhir intervensi yang menunjukkan perbezaan ketara antara ujian pra dan pos. Selain itu, peningkatan menerusi pemerhatian juga dilihat dari segi keyakinan diri, kemahiran berkomunikasi, serta keseronokan dalam proses pembelajaran. Penemuan kajian ini membuktikan bahawa penggunaan media flashcard sebagai intervensi visual mampu meningkatkan penguasaan hukum tajwid secara signifikan melalui pendekatan pembelajaran yang lebih interaktif dan berfokuskan pelajar. Oleh itu, kajian ini menyumbang kepada bidang Pendidikan Islam dengan menawarkan model intervensi pembelajaran tajwid yang terbukti efektif untuk meningkatkan prestasi pelajar berprestasi rendah.

**Kata Kunci:** Hukum Tajwid, Intervensi, Bacaan Al-Quran, Flashcard, Interaktif

### Abstract

Tajweed (pronunciation) is a crucial aspect of Quranic recitation, ensuring each letter is articulated correctly according to its makhraj (point of articulation) and sifat (attributes). However, the mastery of Tajweed rules, particularly those related to Nun Sakinah (نْ) and tanwin (ـَ, ـِ, ـُ) remains a challenge among students, especially those with lower academic performance. Confusion in identifying and applying these rules, coupled with a lack of interactive teaching aids, are identified as primary contributing factors. Therefore, this action research aimed to enhance students' understanding of these Tajweed rules through an intervention using flashcard-based media in Halaqah classes. This intervention was specifically designed for students in the Islamic Education program (Halaqah) to strengthen their Quranic recitation skills. The study adopted Kemmis and McTaggart's (1988) action research model, which comprises four phases: observation, planning,

action, and reflection. While 40 students participated overall, 12 underperforming students were specifically selected as the focus of this study based on their pre-test results. A Tajweed visualization method using flashcard games was implemented over one month to help students identify, recall, and differentiate between the rules of Nun Sakinah and Tanwin. The findings indicate a significant improvement in Tajweed mastery among the students, as evidenced by a marked difference between their pre-test and post-test scores. Furthermore, observations revealed improvements in self-confidence, communication skills, and enjoyment during the learning process. The findings of this study demonstrate that flashcard media, as a visual intervention, significantly enhances the mastery of Tajweed rules through a more interactive and student-focused learning approach. Therefore, this study contributes to the field of Islamic Education by offering an effective and proven tajwid learning intervention model to improve the performance of low-achieving students.

**Keywords:** Tajweed rules, Intervention, Quran recitation, Flashcards, Interactive

Copyright: This is an open access article distributed under the terms of the CC-BY-NC-SA (Creative Commons Attribution-NonCommercial-ShareAlike 4.0 International License) which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, for non-commercial purposes, provided the original work of the author(s) is properly cited.

---

## 1. PENGENALAN

Membaca al-Quran merupakan ibadah utama dan keutamaan bagi setiap Muslim, sehinggakan Rasulullah SAW menyarankan, “Sebaik-baik manusia di antara kamu adalah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya” (Terjemahan H.R. Bukhari). Namun, ibadah membaca al-Quran ini hanya dapat disempurnakan apabila dilafazkan dengan *tartil*, yakni mematuhi ilmu tajwid, yang mana hukum mengamalkannya adalah fardu 'ain (Muhd Farhan, 2020). Ilmu tajwid ialah asas pemeliharaan bacaan al-Quran, merangkumi aspek utama seperti *makharijul huruf* (tempat keluar huruf) dan *shifatul huruf* (sifat-sifat huruf) yang bertujuan untuk mengelakkan kesalahan nyata (*lahn al-jali*) yang berpotensi merosakkan makna dan intipati ayat suci.


Walaupun pelajar dalam kelas *Halaqah*, iaitu kelas khas yang diwujudkan untuk memantapkan bacaan al-Quran bagi pelajar program Pendidikan Islam didapati tidak mempunyai masalah dengan sebutan *makhraj* huruf, kesalahan bacaan dari sudut dengung dan tidak dengung masih berlaku. Kesalahan ini berpunca daripada kekeliruan, kesukaran mengingat dan membezakan huruf-huruf yang berkaitan dengan hukum nun sakinah dan tanwin. Pemerhatian penyelidik, yang disokong melalui semakan buku latihan tajwid mendapati masalah ini serius. Prihatin akan masalah ini, ujian pra telah dilaksanakan kepada keseluruhan 40 orang pelajar, dan hasilnya menunjukkan seramai 12 orang pelajar (30%) memperoleh markah rendah iaitu antara 30% hingga 60%. Penemuan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Rashidah et al. (2015) yang mendapati punca utama kelemahan penguasaan hukum tajwid termasuklah ketidakupayaan pelajar untuk mengingat dan membezakan huruf serta kekeliruan mengenai nama dan situasi pembentukan hukum.

Kelemahan penguasaan tajwid sebahagian besarnya turut disumbangkan oleh kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang kurang berkesan (Norwardatun et al., 2021) dan kegagalan guru menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai (Jaafar dan Mat Said, 2019). Kebergantungan kepada buku teks semata-mata menyebabkan pelajar kurang memahami ilmu tajwid kerana ia tidak menggambarkan bunyi atau panjang pendek bacaan. Oleh itu, BBM yang kreatif dan sesuai dengan keperluan murid perlu diwujudkan. Salah satu strategi pembelajaran yang terbukti berkesan adalah melalui kaedah visualisasi menerusi media *flashcard* (Siska et al., 2024). *Flashcard* adalah media visual bersaiz kecil yang memuatkan simbol, gambar, atau teks untuk mengingatkan dan merangsang otak pelajar bagi mengingat maklumat dengan lebih lama (Wati et al., 2021; Aulia, 2021). Kelebihan media ini adalah ia bersifat praktikal, mudah dibawa, menyeronokkan, dan terbukti meningkatkan kefahaman serta motivasi pelajar secara signifikan.

Namun demikian, meskipun kepentingan ilmu tajwid dan media visual diakui, penguasaan hukum nun sakinah (ن) dan tanwin masih menjadi isu kritikal dalam kalangan pelajar berprestasi rendah. Di samping itu, belum banyak kajian tindakan dijalankan dalam konteks pelajar program


Pendidikan Islam di peringkat universiti yang menilai keberkesanan media *flashcard* sebagai intervensi visualisasi tajwid. Justeru, kajian ini tampil dengan intervensi baharu, iaitu penggunaan media *flashcard* yang direka berasaskan elemen permainan dan visualisasi secara interaktif, berbeza daripada kaedah pengajaran tradisional dan selari dengan penemuan bahawa media visual atau interaktif mampu meningkatkan kefahaman dan menarik minat pelajar dalam penguasaan Tajwid (Zabedah A.Aziz & Irfan Naufal Umar, 2015; Siti Noormarfu'ah et al., 2023). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan intervensi visualisasi tajwid melalui penggunaan media *flashcard* dalam meningkatkan pemahaman pelajar terhadap hukum nun sakinah dan tanwin. Tumpuan diberikan kepada dua objektif utama, iaitu: (i) menilai pencapaian pelajar menerusi perbandingan markah ujian pra dan pos selepas intervensi dijalankan; dan (ii) menilai corak penglibatan pelajar dan keberkesanan intervensi dari segi interaksi serta respons pelajar sepanjang pelaksanaan aktiviti pengajaran berasaskan media *flashcard*.

## 2 INSTRUMEN KAJIAN DAN METODOLOGI



reka bentuk kajian, kumpulan sasaran, instrumen yang digunakan, naan kajian tindakan berdasarkan Model Kemmis dan McTaggart, rmainan media *flashcard*, dan teknik penganalisan data.

dekatan campuran iaitu secara kuantitatif dan kualitatif dengan reka erasaskan model Kemmis dan McTaggart (1988). Model ini erancangan, tindakan, pemerhatian, dan refleksi (rujuk Rajah 1). awarkan kerangka kerja kitaran yang sistematik dan reflektif, al pasti, merancang, dan menjalankan tindakan intervensi bagi nbelajaran yang spesifik dalam konteks bilik darjah sebenar secara angsung membolehkan penyelidik menilai keberkesanan intervensi edah media *flashcard* terhadap penguasaan pelajar dalam mengenal kinah dan tanwin.



Rajah 1. Kerangka Model Kemmis dan Mc Taggart (1998)

## 2.2. Kumpulan Sasaran

Kumpulan sasaran kajian ini terdiri daripada 40 orang pelajar kelas *Halaqah*. Untuk tujuan intervensi, seramai 12 orang pelajar telah dipilih sebagai responden berdasarkan pencapaian yang rendah dalam ujian pra untuk menilai penguasaan hukum tajwid. Pemilihan ini bertujuan memberi tumpuan kepada pelajar yang memerlukan sokongan tambahan dalam memahami dan menguasai hukum nun sakinah dan tanwin, selaras dengan objektif kajian untuk menilai keberkesanan penggunaan media *flashcard* sebagai kaedah intervensi.

Penyelidik telah mengedarkan ujian pra berbentuk soalan objektif kepada kesemua 40 pelajar kelas *Halaqah* bagi mengenal pasti kelemahan terperinci dalam penguasaan hukum nun sakinah dan tanwin. Jadual 1 menunjukkan laporan ujian pra secara terperinci. Daripada laporan tersebut, 12 orang pelajar yang memperoleh markah agak rendah telah dipilih sebagai sampel kajian, merangkumi empat pelajar dengan gred C+, tiga pelajar gred C, tiga pelajar gred D, dan dua pelajar gred E.

Jadual 1. Laporan ujian pra pelajar kelas *Halaqah* bagi hukum tajwid nun sakinah dan tanwin

| Gred | Julat Markah | Bil Pelajar | Peratusan (%) |
|------|--------------|-------------|---------------|
| A+   | 90-100       | 2           | 5             |
| A    | 80-89        | 5           | 12.5          |
| A-   | 70-79        | 6           | 15            |
| B+   | 65-69        | 8           | 20            |
| B    | 60-64        | 7           | 17.5          |
| C+   | <b>55-59</b> | <b>4</b>    | <b>10</b>     |
| C    | <b>50-54</b> | <b>3</b>    | <b>7.5</b>    |
| D    | <b>45-49</b> | <b>3</b>    | <b>7.5</b>    |
| E    | <b>40-44</b> | <b>2</b>    | <b>5</b>      |
| G    | 0-39         | 0           | 0             |
| TH   | Tidak Hadir  | -           | -             |

## 2.3. Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan dua jenis instrumen utama untuk pengumpulan data: ujian pra dan pos (untuk data kuantitatif) serta borang pemerhatian tidak berstruktur (untuk data kualitatif).

### 2.3.1. Soalan Ujian

Instrumen kajian bagi aspek data kuantitatif adalah menggunakan kertas soalan ujian berbentuk gabungan soalan objektif dan subjektif sebagai instrumen utama untuk penilaian pencapaian pelajar bagi ujian pra dan ujian pos. Kertas soalan ujian ini mengandungi 20 soalan yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu 10 soalan objektif dan 10 soalan subjektif dengan jumlah markah keseluruhan adalah sebanyak 100 markah. Soalan-soalan ini dirangka khusus untuk mengukur pengetahuan dan kefahaman peserta terhadap hukum tajwid nun sakinah dan tanwin. Skop soalan merangkumi:

- i. Pengenalan dan pengenalanpastian hukum nun sakinah dan tanwin.
- ii. Pengelasan jenis-jenis hukum seperti Izhar, Idgham, Iqlab, dan Ikhfa'.
- iii. Aplikasi hukum dalam potongan ayat al-Quran.
- iv. Pengetahuan asas tentang huruf-huruf hijaiyyah berkaitan hukum mad dan tanwin.

Instrumen ini diadaptasi dan diubah suai daripada soalan-soalan penilaian yang diguna pakai dalam kursus pengajian al-Quran dan tajwid di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan, selaras dengan kerangka kurikulum yang digariskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (2013) dalam *Programme Standards: Islamic Studies*. Adaptasi turut mengambil kira rujukan tajwid standard yang digunakan pada peringkat akademik, seperti kitab *Hidayatul Mustafid fi Ahkaamit-Tajweed* terjemahan bahasa Inggeris oleh Fahim (2024), yang menghuraikan hukum-hukum tajwid secara sistematik dan berasaskan sumber *muktabar* (diiktiraf). Pengubahsuaian dibuat untuk memastikan kesesuaian dengan tahap dan fokus pembelajaran pelajar, terutamanya bagi hukum nun sakinah dan tanwin yang menjadi tumpuan kajian. Sebagai contoh, beberapa soalan asal yang terlalu kompleks atau tidak berkaitan langsung dengan fokus kajian telah digugurkan atau diubah suai untuk menjadi lebih spesifik dan bersesuaian dengan tahap pelajar yang dikaji. Bagi memastikan kesahan kandungan instrumen, semua item soalan telah disemak dan disahkan oleh dua (2) orang pakar iaitu pensyarah yang berpengalaman luas dalam bidang pengajian al-Quran dan Pendidikan Islam di peringkat institusi pengajian tinggi. Selain itu, kebolehpercayaan instrumen telah diuji melalui kajian rintis yang melibatkan 30 orang pelajar dari program yang sama tetapi bukan peserta kajian. Hasil analisis kebolehpercayaan menggunakan *Cronbach's Alpha* menunjukkan nilai yang tinggi, iaitu  $\alpha = 0.85$  menandakan bahawa instrumen ini konsisten dan boleh dipercayai untuk mengukur penguasaan pelajar. Tiada jadual perbandingan item asal dan diubah suai disertakan di sini kerana item bersifat pengetahuan dan kefahaman, bukan persepsi.

Bagi 10 soalan objektif, setiap soalan berbentuk pilihan berganda dengan empat pilihan jawapan (A, B, C, D) dan hanya satu daripadanya adalah jawapan yang betul. Manakala, 10 soalan berbentuk subjektif memerlukan pelajar untuk mengenal pasti dan menjelaskan hukum tajwid yang betul berdasarkan petikan ayat al-Quran dari pelbagai surah yang menguji kefahaman mendalam dan kemampuan aplikasi mereka.

Instrumen ini disediakan sepenuhnya dalam bahasa Melayu, Jawi dan juga mengandungi kombinasi petikan ayat al-Quran. Pemilihan bahasa Melayu adalah kerana ia merupakan bahasa pengantar utama dalam kelas *Halaqah* dan untuk memastikan semua responden memahami soalan dengan jelas tanpa halangan bahasa. Penggunaan tulisan Jawi adalah penting kerana ia merupakan skrip tradisional bagi penulisan bahasa Melayu yang berkait rapat dengan pengajian Islam dan al-Quran serta membantu mengekalkan keaslian istilah tajwid. Manakala, penyertaan petikan ayat al-Quran adalah kritikal untuk menguji aplikasi sebenar hukum tajwid dalam konteks ayat-ayat suci, yang merupakan matlamat utama pembelajaran tajwid ini.

Pendekatan gabungan ini adalah yang terbaik kerana soalan objektif membolehkan penilaian pengetahuan asas secara seragam dan kuantitatif, manakala soalan subjektif memberikan ruang untuk menilai kefahaman yang lebih mendalam, kemampuan menghurai, dan aplikasi konsep tajwid.

### 2.3.2. Borang Pemerhatian Tidak Berstruktur

Instrumen kajian bagi aspek data kualitatif adalah borang pemerhatian tidak berstruktur. Borang pemerhatian tidak berstruktur ini dibangunkan secara spesifik oleh penyelidik untuk merekod dan mendokumentasikan pelbagai aspek tingkah laku pelajar serta dinamika pengajaran dan pembelajaran sepanjang intervensi, bertujuan menilai corak penglibatan pelajar dan keberkesanan intervensi dari

segi interaksi serta respon pelajar sepanjang pelaksanaan aktiviti pengajaran berasaskan media *flashcard*. Borang pemerhatian ini memfokuskan kepada beberapa aspek kritikal, termasuk:

- i. **Respons positif dan minat pelajar:** Ini termasuk ekspresi seperti keterujaan, tumpuan, dan respons lisan atau bukan lisan yang menunjukkan penerimaan positif terhadap aktiviti.
- ii. **Penglibatan aktif dalam aktiviti berasaskan *flashcard*:** Aspek ini menilai sejauh mana pelajar terlibat secara fizikal dan mental dalam permainan dan latihan menggunakan *flashcard*, baik secara individu mahupun berkumpulan.
- iii. **Peningkatan kefahaman melalui interaksi:** Pemerhatian ini meneliti bagaimana interaksi pelajar dengan guru dan rakan sebaya, serta respons mereka terhadap *flashcard*, menunjukkan peningkatan dalam pemahaman konsep.
- iv. **Aplikasi pengetahuan dalam konteks baharu:** Ini menilai kemampuan pelajar untuk menggunakan pengetahuan yang baru diperolehi mengenai hukum nun sakinah dan tanwin dalam situasi atau contoh yang berbeza semasa sesi pengajaran.

Penyelidik menggunakan borang ini untuk membuat catatan naratif semasa menjalankan peranan sebagai pemerhati separa peserta. Pemerhatian dilakukan secara berulang sebanyak empat kali (minggu pertama, kedua, ketiga, dan keempat) bagi melihat perubahan tingkah laku dan corak penglibatan pelajar dari semasa ke semasa. Untuk meningkatkan kebolehpercayaan data dan mengurangkan bias pemerhati, penyelidik turut mendapatkan pengesahan silang daripada seorang rakan penyelidik bagi memastikan ketepatan interpretasi catatan naratif. Data naratif yang terkumpul kemudiannya dianalisis secara tematik menggunakan pendekatan induktif melalui pengkodan terbuka. Prosedur analisis melibatkan langkah-langkah sistematik seperti membaca transkrip berulang kali, membangunkan kod awal (*initial coding*) untuk setiap tingkah laku atau respons yang signifikan, menggabungkan kod-kod berkaitan menjadi kategori tematik, dan seterusnya mendefinisikan tema akhir yang relevan dengan objektif kajian. Analisis ini memberikan gambaran deskriptif suasana kelas dan menyumbang kepada kefahaman kualitatif terhadap keberkesanan intervensi.

## 2.4. Teknik Pengumpulan Data

Teknik pengumpulan data dalam kajian ini merangkumi penggunaan ujian penilaian (pra dan pos) bagi mendapatkan data kuantitatif tentang pengetahuan dan kefahaman pelajar mengenai hukum tajwid nun sakinah dan tanwin. Di samping itu, pemerhatian turut dijalankan untuk mengumpul data kualitatif mengenai corak penglibatan, interaksi, dan respons pelajar sepanjang pelaksanaan intervensi.

### 2.4.1. Ujian Pra dan Pemilihan Responden

Seramai 40 orang pelajar dalam program Pendidikan Islam telah mengambil bahagian dalam ujian pra awal. Keputusan daripada ujian pra awal ini digunakan sebagai kriteria utama untuk mengenal pasti 12 orang pelajar berprestasi rendah yang seterusnya dipilih sebagai responden fokus untuk kajian intervensi ini. Proses pelaksanaan ujian pra awal ini dilakukan secara seragam dalam suasana kelas *Halaqah* bagi memastikan kesahan data.

### 2.4.2. Pelaksanaan Intervensi

Selepas ujian pra awal dan mengenalpastian responden, fasa intervensi selama sebulan menggunakan media *flashcard* telah dilaksanakan dalam kelas *Halaqah* bersama 12 pelajar yang sama. Sepanjang tempoh ini, aktiviti pembelajaran berpanduan *flashcard* dijalankan secara berkala.

### 2.4.3. Pelaksanaan Ujian Pos

Setelah tamat fasa intervensi, satu ujian pos mengandungi struktur yang hampir sama seperti ujian pra telah dilakukan dengan sedikit pengubahsuaian pada susunan dan contoh ayat al-Quran yang digunakan dalam soalan. Ia diberikan kepada 12 orang pelajar yang sama selepas pelaksanaan kaedah pembelajaran menggunakan media *flashcard*.

### 2.4.4. Pemerhatian Menyeluruh

Sepanjang pelaksanaan intervensi, penyelidik menjalankan pemerhatian menyeluruh terhadap tingkah laku pelajar dan dinamika pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Tujuan utama adalah untuk mengenal pasti respons positif pelajar, tahap penglibatan dalam aktiviti berasaskan *flashcard*, peningkatan kefahaman melalui interaksi, serta aplikasi pengetahuan dalam konteks baharu pembelajaran.

Penyelidik serta rakan penyelidik bertindak sebagai pemerhati separa peserta (*semi-participant observer*), iaitu turut berperanan sebagai fasilitator semasa aktiviti berlangsung. Pemerhatian dilakukan sebanyak empat kali iaitu pada minggu pertama, kedua, ketiga dan keempat intervensi bagi mengenal pasti perubahan tingkah laku dan corak penglibatan pelajar dari semasa ke semasa.

Data dikumpulkan dalam bentuk catatan naratif menggunakan borang pemerhatian tidak berstruktur yang dibangunkan oleh penyelidik. Aspek yang diperhatikan merangkumi penglibatan pelajar secara individu dan berkumpulan, respons lisan dan bukan lisan terhadap aktiviti, kerjasama dalam permainan *flashcard*, serta ekspresi seperti minat, kekeliruan, keterujaan dan interaksi spontan antara guru dan pelajar.


Catatan ini kemudiannya dianalisis secara tematik menggunakan pendekatan induktif melalui pengekodan terbuka, bagi mengenal pasti tema atau corak tingkah laku yang berulang. Analisis ini memberikan gambaran deskriptif tentang suasana kelas dan menyumbang kepada kefahaman terhadap keberkesanan intervensi dari sudut kualitatif.

## 2.5. Pelaksanaan Kajian Tindakan berdasarkan Model Kemmis dan McTaggart

Kajian ini dilakukan menggunakan model kajian tindakan oleh Kemmis dan McTaggart (1988), yang merangkumi empat fasa iaitu pemerhatian, perancangan, pelaksanaan dan refleksi. Sebelum langkah-langkah seterusnya diambil, tinjauan terhadap masalah yang dikenal pasti akan dilaksanakan untuk mengetahui dan memahami dengan lebih mendalam tentang permasalahan ini. Tinjauan yang dilakukan ialah dengan mengutip maklumat dan data seperti berikut:

- a) Pemerhatian
  - i. Pemerhatian dijalankan oleh penyelidik dan rakan penyelidik secara berterusan sepanjang pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas *Halaqah*. Penyelidik terlibat secara langsung dalam mengendalikan aktiviti, serta mencatat respons dan tingkah laku pelajar ketika penggunaan media *flashcard* dijalankan. Fokus pemerhatian diberikan kepada tahap penglibatan pelajar, interaksi mereka dengan bahan bantu mengajar, serta kefahaman terhadap huruf mad dan hukum nun sakinah serta tanwin. Pemerhatian turut melibatkan sesi bacaan surah secara talaqqi musyafahah, khususnya Surah al-An'am ayat 1–17, dan interaksi pelajar semasa sesi soal jawab berkaitan hukum tajwid.
- b) Perancangan
  - i. Dalam fasa ini, perancangan kajian disusun secara sistematik dan berstruktur selaras dengan model kajian tindakan yang digunakan oleh penyelidik.

- ii. Penyelidik meneliti dan mengenal pasti isu-isu yang timbul sepanjang proses pembelajaran ilmu tajwid.
  - iii. Penyelidik mencadangkan penggunaan media *flashcard* sebagai intervensi yang bertujuan membantu pelajar mengingat dengan cepat bahagian-bahagian ilmu tajwid serta huruf-hurufnya, selain mampu mengaplikasikan ilmu tersebut semasa membaca al- Quran.
- c) Tindakan
- i. Kaedah pembelajaran menggunakan media *flashcard* ditransformasikan dalam pengajaran ini bagi membantu pelajar meningkatkan penguasaan mereka mengingat, membezakan dan menyebut dengan betul bacaan hukum tajwid nun sakinah dan tanwin.
  - ii. Aktiviti ini merupakan aktiviti berkumpulan yang melibatkan pendekatan dua dalam satu iaitu belajar dan bermain dalam satu masa.
  - iii. Permainan media *flashcard* ini akan dijalankan secara kuiz untuk menjawab persoalan guru mengenai huruf- huruf mad dalam hukum nun sakinah dan tanwin.
  - iv. Selepas melaksanakan aktiviti ini, semakan akan dibuat dan setiap kumpulan akan diberikan markah. Kemudian, semua kesalahan yang dilakukan oleh pelajar akan dibetulkan.
  - v. Menerusi aktiviti ini, pelajar akan dapat mengenal pasti dengan lebih jelas huruf- huruf mad dan meningkatkan kemahiran mengingat pelajar.



Rajah 2. Contoh permainan media *flashcard*

- d) Refleksi
- i. Merefleksi proses pembelajaran dengan media *flashcard*.
  - ii. Jika isu yang hendak ditangani gagal diatasi, maka penyelidik akan memulakan proses kajian tindakan di kitaran kedua sehinggalah masalah atau isu itu dapat ditangani.
  - iii. Pada kitaran kedua penyelidik akan membuat refleksi dan merancang semula tindakan dengan membuat penambahbaikan terhadap pelan tindakan tersebut.

## 2.6. Pelaksanaan Aktiviti berdasarkan Permainan Media *Flashcard*

Aktiviti berbentuk permainan media *flashcard* ini dijalankan sebanyak empat kali selama sebulan di luar waktu kelas iaitu selama satu jam. Sebelum melaksanakan permainan ini, pelajar terlebih dahulu diperdengarkan bacaan surah al-An'am ayat 1-17 daripada Imam Misyari menerusi tayangan video. Kemudian, penyelidik meminta seorang pelajar untuk membacakan semula ayat tersebut sambil diikuti pelajar-pelajar yang lain. Sesudah selesai membaca, penyelidik akan bersoal



jawab secara ringkas terlebih dahulu berkenaan dengan hukum tajwid yang terdapat di dalam surah tersebut. Aktiviti membaca dan penerangan ini dijalankan selama 10 minit. Jadual 2 menunjukkan langkah dan penerangan aktiviti yang telah dijalankan bagi tujuan ini.

Jadual 2. Langkah dan penerangan aktiviti media *flashcard*

| Langkah          | Penerangan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Langkah 1</b> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Tiga model permainan media <i>flashcard</i> akan diletakkan di dalam kumpulan pelajar.</li> <li>2) Pelajar diterangkan tentang cara bermain media <i>flashcard</i>.</li> <li>3) Pelajar dibahagikan kepada tiga kumpulan untuk bermain <i>flashcard</i> dalam bentuk kuiz.</li> <li>4) Permainan dimulakan dengan meneka nombor akronim 1-20 iaitu jumlah huruf mad dalam hukum nun sakinah dan tanwin yang terdapat pada <i>flashcard</i>.</li> <li>5) Pelajar diminta menghantar wakil daripada setiap kumpulan untuk tampil ke hadapan untuk mengambil lima kad arahan yang mengandungi perkataan (<i>izhar halqi, ikhfak hakiki, iqlab, idgram bila ghunnah dan idgram maal ghunnah</i>).</li> <li>6) Berdasarkan kad arahan yang dipilih, pelajar akan menentukan jawapan pada media <i>flashcard</i> kumpulan masing-masing. Jawapan yang ditentukan hasil perbincangan dalam kumpulan masing-masing.</li> </ol> |
| <b>Langkah 2</b> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Permainan diteruskan dengan bermain media <i>flashcard</i> huruf <i>hijaiyyah</i>.</li> <li>2) Ketua kumpulan akan bertindak sebagai fasilitator yang akan mengeluarkan mana-mana kad arahan kepada setiap kumpulan.</li> <li>3) Apabila kad arahan dikeluarkan, setiap kumpulan perlu bekerjasama untuk menyelesaikan arahan tersebut dengan memilih jawapan pada media <i>flashcard</i> dan dilekatkan pada kertas jawapan yang disediakan.</li> <li>4) Setiap pusingan kad arahan tersebut, wakil setiap kumpulan akan membentangkan jawapan masing-masing untuk mengutip markah.</li> <li>5) Setiap arahan hendaklah dijawab oleh wakil yang berlainan bagi setiap kumpulan.</li> </ol>                                                                                                                                                                                                                            |
| <b>Langkah 3</b> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Penyelidik bertindak memberi penerangan semula dan memberi jawapan yang betul bagi lima soalan yang terdapat pada kad arahan.</li> </ol>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| <b>Langkah 4</b> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Markah dikira. Kumpulan yang mendapat markah tertinggi mendapat hadiah.</li> </ol>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| <b>Langkah 5</b> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Ujian pos hanya diberikan selepas selesai intervensi menggunakan aktiviti media <i>flashcard</i> selama sebulan dilakukan. Pemarkahan bagi ujian pos diambil dan direkodkan bagi tujuan perbandingan.</li> </ol>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |

## 2.7. Teknik Penganalisisan Data

Dalam kajian ini, data dianalisis berdasarkan dua sumber utama iaitu data kuantitatif yang diperoleh daripada ujian pra dan ujian pos, serta data kualitatif yang dikumpul melalui pemerhatian semasa pelaksanaan intervensi. Prosedur penganalisisan data disusun secara sistematik bagi menjawab setiap objektif kajian dengan tepat dan menyeluruh.

Bagi objektif 1, data kuantitatif dianalisis melalui perbandingan skor ujian pra dan pos yang melibatkan 12 orang pelajar. Analisis ini bertujuan untuk menilai tahap pencapaian pelajar selepas pelaksanaan kaedah pembelajaran berasaskan media *flashcard*, khususnya dalam aspek penguasaan dan kefahaman terhadap hukum tajwid nun sakinah dan tanwin. Skor yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif bagi menentukan peratusan serta memaparkan perubahan skor keseluruhan. Dapatan menunjukkan peningkatan yang jelas dalam skor ujian pos berbanding ujian pra, sekali gus membuktikan berlakunya perubahan positif dalam penguasaan tajwid dalam kalangan pelajar. Perbandingan ini memberikan gambaran yang memadai tentang keberkesanan intervensi tanpa memerlukan analisis inferensi lanjutan.

Bagi objektif 2, data kualitatif daripada catatan pemerhatian dianalisis secara tematik menggunakan pendekatan induktif. Proses ini melibatkan pengkodan terbuka terhadap catatan naratif bagi mengenal pasti tema-tema seperti (i) respon positif dan minat pelajar; (ii) penglibatan aktif dalam aktiviti berasaskan *flashcard*; (iii) peningkatan kefahaman melalui interaksi; dan (iv) aplikasi pengetahuan dalam konteks baharu.

Analisis ini memberikan gambaran deskriptif tentang respons pelajar terhadap kaedah yang digunakan, sekali gus menyokong penemuan kuantitatif serta memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh dan kontekstual terhadap kesan intervensi yang dilaksanakan.

Secara keseluruhannya, gabungan analisis kuantitatif dan kualitatif membolehkan penyelidik menilai keberkesanan kaedah dari pelbagai dimensi. Pendekatan triangulasi ini bukan sahaja memperkuat kesahan dapatan, malah membantu dalam menghasilkan tafsiran yang lebih holistik terhadap impak intervensi terhadap pembelajaran pelajar.


### **3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Hasil kajian ini akan menganalisis penilaian ujian pra dan pos untuk melihat keberkesanan intervensi media *flashcard*. Selain itu, kajian juga akan membincangkan persepsi pelajar terhadap minat dan gaya belajar pembelajaran tajwid selepas intervensi. Kajian ini melibatkan seramai 12 orang responden, terdiri daripada 4 lelaki (33%) dan 8 perempuan (67%).

#### **3.1. Penilaian pencapaian pelajar menerusi analisis dokumen (Ujian Pra dan Pos)**

Penilaian terhadap tahap pencapaian pelajar dalam penguasaan hukum tajwid nun sakinah dan tanwin dijalankan melalui analisis dokumen berbentuk ujian pra dan ujian pos. Ujian ini berfungsi untuk mengukur keberkesanan intervensi yang dilaksanakan, iaitu penggunaan media *flashcard* dalam pembelajaran tajwid.

Rajah 3 merupakan dapatan daripada ujian pra yang menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar berada pada paras sederhana dan rendah. Daripada 12 orang pelajar yang terlibat dalam kajian, seramai 4 orang pelajar (33.3%) memperoleh gred C+, 3 orang (25.0%) memperoleh gred C, manakala 3 orang lagi (25.0%) memperoleh gred D. Sebanyak 2 orang pelajar (16.7%) pula mencatatkan pencapaian yang rendah dengan memperoleh gred E. Secara keseluruhannya, tiada pelajar yang mencapai gred cemerlang dalam ujian pra, dan majoriti pelajar mencatatkan prestasi sederhana dan rendah.





Rajah 3. Perbandingan ujian pra dan pos bagi pencapaian pembelajaran tajwid

Sebaliknya, hasil daripada ujian pos yang dilaksanakan selepas intervensi memperlihatkan peningkatan yang ketara dalam prestasi pelajar. Seorang pelajar (8.3%) berjaya memperoleh gred A+, manakala 3 orang pelajar (25.0%) memperoleh gred A. Seramai 4 orang pelajar (33.3%) memperoleh gred A-, dan 3 orang pelajar (25.0%) mencatatkan gred B+. Hanya seorang pelajar (8.3%) yang kekal pada gred C+. Tiada pelajar yang memperoleh gred C, D atau E dalam ujian pos.

Perbandingan antara kedua-dua ujian ini menunjukkan peningkatan signifikan. Analisis deskriptif menunjukkan purata skor pelajar meningkat dengan ketara dari min 58.96 markah (Ujian Pra) kepada min 81.83 markah (Ujian Pos) dengan nilai purata perbezaan skor sebanyak 22.87 markah. Peningkatan ini mewakili 38.79% peningkatan prestasi keseluruhan berbanding skor awal. Peningkatan kualitatif ini dapat dilihat daripada tiada pelajar yang mendapat gred A atau B dalam ujian pra, kepada majoriti pelajar memperoleh gred A+, A, A- dan B+ dalam ujian pos. Perbezaan ketara ini turut digambarkan secara jelas melalui Rajah 4 (Graf Bar Perbandingan Sebelum dan Selepas Intervensi) yang menunjukkan lonjakan ketara dalam purata skor pencapaian pelajar. Dapatan ini menunjukkan peningkatan tahap pemahaman, kecekapan, dan keupayaan pelajar dalam mengenal pasti serta membezakan huruf-huruf tajwid yang berkaitan dengan *nun sakinah* dan *tanwin* selepas mengikuti sesi pembelajaran berasaskan penggunaan media *flashcard*. Kajian terdahulu oleh Annur et al. (2023) melaporkan peningkatan signifikan skor ujian lisan dan bertulis selepas intervensi menggunakan *flashcard*, namun keberkesanan kaedah ini dikategorikan sebagai "agak berkesan" sahaja berdasarkan analisis ujian *n-gain*. Dalam konteks yang lebih umum, Irada dan Setiawan (2024) menegaskan bahawa media visual seperti *flashcard* meningkatkan keaktifan pelajar dan membantu pemahaman konsep keagamaan.

Walau bagaimanapun, keputusan kajian ini menunjukkan kejayaan yang lebih kukuh dan konsisten, khususnya dalam memastikan semua pelajar mencapai sekurang-kurangnya Gred B. Perbezaan ini berlaku kerana kajian ini menggabungkan kelebihan media visual *flashcard* dengan reka bentuk kajian tindakan yang mengutamakan interaksi kolaboratif dan penglibatan afektif yang tinggi. Intervensi yang bersifat interaktif sosial ini melangkaui penggunaan media *flashcard* sebagai alat visual semata-mata, sebaliknya menggunakan elemen permainan untuk memaksimumkan motivasi intrinsik pelajar dan sokongan rakan sebaya. Kombinasi ini dijangka menghasilkan *n-gain* yang jauh lebih tinggi berbanding dapatan "agak berkesan" yang dilaporkan oleh Annur et al. (2023), kerana ia

bukan  
pembe  
s  
melalu  
berma  
dan p  
sekali



Rajah 4. Perbandingan purata skor penguasaan tajwid sebelum dan selepas intervensi (N=12)

### 3.2. Pemerhatian terhadap Penglibatan Pelajar

Objektif kedua kajian ini adalah untuk menilai corak penglibatan pelajar dan keberkesanan intervensi dari segi interaksi serta respons pelajar sepanjang pelaksanaan aktiviti pengajaran berasaskan media *flashcard*. Seramai 12 orang pelajar terlibat dalam sesi intervensi ini. Data kualitatif diperoleh melalui pemerhatian secara menyeluruh oleh penyelidik yang bertindak sebagai pemerhati separa peserta (*semi-participant observer*) dalam empat sesi intervensi. Catatan pemerhatian dianalisis secara induktif menggunakan pendekatan analisis tematik bagi mengenal pasti tema-tema utama berkaitan penglibatan pelajar, dinamika kelas, dan keberkesanan pendekatan pengajaran yang digunakan.

Empat tema utama telah dikenal pasti hasil daripada analisis pemerhatian iaitu: (i) respons positif dan minat pelajar; (ii) penglibatan aktif dalam aktiviti berasaskan *flashcard*; (iii) peningkatan kefahaman melalui interaksi; dan (iv) aplikasi pengetahuan dalam konteks baharu.

#### 3.2.1. Respons Positif dan Minat Pelajar

Secara umumnya, majoriti pelajar menunjukkan keterujaan dan minat yang tinggi terhadap sesi pengajaran berasaskan media visual seperti media *flashcard*. Pelajar-pelajar kelihatan lebih responsif, ceria dan mudah memberi kerjasama ketika aktiviti dimulakan. Sebagai contoh, catatan pemerhatian menunjukkan bahawa:

*"Pelajar A bersorak apabila dapat menjawab dengan betul soalan berkaitan hukum Idgham. Terdengar suara pelajar lain berkata 'seronok belajar macam ni, tak bosan'."*

Perubahan positif dalam sikap pelajar, yang ditunjukkan melalui sorakan kegembiraan pelajar A dan ulasan "seronok belajar macam ni, tak bosan," adalah bukti jelas penglibatan emosi yang ketara. Keadaan ini menyokong kuat prinsip Teori Pembelajaran Humanistik (Rogers, 1969). Teori ini menekankan bahawa perasaan, minat, dan motivasi intrinsik adalah faktor penentu utama dalam pembelajaran. Apabila tajuk tajwid yang asalnya dianggap sukar dan membosankan berjaya diubah menjadi aktiviti yang menyeronokkan, halangan emosi untuk belajar telah disingkirkan. Penghapusan kebosanan dan peningkatan keseronokan selari dengan penemuan kajian oleh Annur et al. (2023) bahawa penggunaan *flashcard* memberikan kesan motivasi yang signifikan. Dengan memenuhi keperluan psikologi pelajar untuk berasa gembira dan terlibat, persekitaran yang kondusif ini membolehkan pelajar mencapai penglibatan yang lebih mendalam, sekali gus menyumbang kepada peningkatan pencapaian kognitif.

### **3.2.2. Penglibatan Aktif dalam Aktiviti Media *Flashcard***

Dapatan yang menunjukkan 10 daripada 12 pelajar terlibat secara aktif secara lisan dan fizikal, serta peningkatan interaksi semasa kuiz pantas, sangat menyokong Teori Konstruktivisme Sosial (Vygotsky, 1978). Teori ini menekankan bahawa proses pembelajaran adalah intrinsik bersifat sosial. Bukti kukuh terletak pada interaksi spontan, seperti tindakan Pelajar B menjerit jawapan kepada rakannya, "*Cepat! Itu Ikhfa!*".

*"Semasa aktiviti matching hukum dengan huruf nun sakinah, pelajar B menjerit jawapan kepada rakannya dan berkata, 'Cepat! Itu Ikhfa!'"*

Interaksi ini melambangkan proses pembinaan pengetahuan bersama (*co-construction*), di mana rakan sebaya menyediakan sokongan kognitif yang membolehkan pelajar mengidentifikasi dan mengaplikasi hukum tajwid. Persekitaran yang interaktif dan kolaboratif, didorong oleh *flashcard*, bukan sahaja meningkatkan interaksi, tetapi juga membolehkan pelajar mengenal pasti hukum tajwid dalam konteks yang bermakna. Oleh itu, pembelajaran menjadi lebih berkesan apabila ia berlaku dalam konteks sosial yang menyokong.

### **3.2.3. Peningkatan Kefahaman melalui Interaksi**

Pemerhatian yang mendapati pelajar lebih mudah memahami konsep apabila guru menerangkan semula jawapan setiap kad selepas aktiviti adalah selari dengan prinsip utama Teori Konstruktivisme Sosial (Vygotsky, 1978). Teori ini menekankan bahawa perkembangan kognitif berlaku melalui interaksi sosial dan budaya. Penguatan semula konsep tajwid secara visual dan lisan oleh guru berfungsi sebagai perancah (*scaffolding*) yang kritikal, iaitu sokongan yang diberikan kepada pelajar untuk membolehkan mereka memahami konsep yang berada dalam Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) mereka. Tindakan pelajar mengganggu dan mencatat nota selepas penerangan semula guru mencerminkan proses aktif pelajar untuk mengasimilasikan maklumat dan melakukan refleksi sendiri, sekali gus menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna dan berkesan.

*"Beberapa orang pelajar mengganggu dan mencatat nota apabila guru menjelaskan semula kenapa perkataan tertentu mengandungi hukum Iqlab."*

Hasil ini turut menyokong penemuan Zulkifli dan Hamid (2022) yang menyatakan bahawa strategi komunikasi dua hala dalam pengajaran membantu pelajar menguasai konsep melalui pengulangan dan refleksi sendiri.

### 3.2.4. Aplikasi Pengetahuan dalam Konteks Baharu

Dalam sesi ketiga, pelajar diminta untuk mencipta sendiri kad hukum tajwid berdasarkan ayat al-Quran yang diberikan. Pemerhatian mendapati bahawa 9 daripada 12 pelajar dapat mengenal pasti dan mengelaskan hukum nun sakinah dan tanwin dengan betul serta memberi penjelasan secara ringkas.

*"Pelajar C menunjukkan kad bertulis مِنْ رَبِّهِمْ dan berkata: 'Ini Idgham Bila Ghunnah sebab ada nun mati diikuti huruf ra' dan bacaannya tanpa dengung"*

Aktiviti ini mencerminkan penguasaan pengetahuan dan kemahiran analisis yang lebih tinggi, serta keupayaan pelajar untuk mengaplikasikan ilmu yang diperoleh dalam konteks baharu. Ini menunjukkan potensi pembelajaran bermakna yang dicetuskan melalui penggunaan pendekatan visual dan aktif seperti media *flashcard*.

## 3.3. Triangulasi dan Validasi Dapatan Kajian

Bahagian ini membincangkan bagaimana pelbagai data kajian yang merangkumi penilaian berbentuk kuantitatif dan pemerhatian kualitatif digunakan untuk melakukan triangulasi dan mengesahkan keberkesanan intervensi yang dijalankan. Pendekatan triangulasi membolehkan penyelidik menilai ketekalan dapatan dari pelbagai sumber dan kaedah (Creswell & Plano Clark, 2018).

### 3.3.1. Dapatan Permainan Berkumpulan dan Pemerhatian Interaksi

Jadual 3 menunjukkan prestasi pelajar dalam permainan berkumpulan menggunakan media *flashcard* untuk hukum tajwid nun sakinah dan tanwin. Dapatan ini menunjukkan peningkatan markah yang konsisten dalam kalangan tiga kumpulan sepanjang tempoh empat minggu intervensi.

Jadual 3. Data penilaian markah tajwid menerusi permainan berkumpulan media *flashcard*

| Minggu | Kumpulan 1 | Kumpulan 2 | Kumpulan 3 |
|--------|------------|------------|------------|
| 1      | 48         | 48         | 52         |
| 2      | 56         | 52         | 56         |
| 3      | 72         | 72         | 74         |
| 4      | 80         | 84         | 88         |

Kenaikan skor dalam permainan ini selari dengan pemerhatian dalam kelas yang mendapati pelajar menunjukkan minat tinggi dan penglibatan aktif dalam aktiviti secara kolaboratif. Ini memperlihatkan bahawa penggunaan media visual berasaskan permainan bukan sahaja menarik, malah dapat memperkukuh pemahaman pelajar secara tidak formal dan menyeronokkan (Abdullah et al., 2021).

Tambahan lagi, pemerhatian menunjukkan bahawa pelajar lemah turut mendapat sokongan daripada ahli kumpulan yang lain sekali gus memperlihatkan keberkesanan unsur interaktif dan kolaboratif dalam strategi ini (Ismail & Rahman, 2020).

### 3.3.2. Pencapaian Ujian Pos dan Kesepadanan dengan Pemerhatian

Dapatan dalam Jadual 4 menunjukkan laporan pencapaian ujian pos pelajar selepas intervensi. Sebahagian besar pelajar memperoleh gred A hingga B, menunjukkan peningkatan ketara dalam penguasaan hukum tajwid selepas pendedahan kepada pembelajaran melalui media *flashcard*:

Jadual 4. Laporan ujian pos pelajar kelas *Halaqah* bagi hukum tajwid nun sakinah dan tanwin

| Gred | Julat Markah | Bil Pelajar | Peratusan (%) |
|------|--------------|-------------|---------------|
| A+   | 90-100       | 1           | 8.3           |
| A    | 80-89        | 3           | 25            |
| A-   | 70-79        | 4           | 33.3          |
| B+   | 65-69        | 3           | 25            |
| B    | 60-64        | 1           | 8.3           |
| C+   | 55-59        | 0           | 0             |
| C    | 50-54        | 0           | 0             |
| D    | 45-49        | 0           | 0             |
| E    | 40-44        | 0           | 0             |
| G    | 0-39         | 0           | 0             |
| TH   | Tidak Hadir  | -           | -             |

Tiada pelajar yang mencatat markah di bawah gred B, dan ini sejajar dengan pemerhatian yang menunjukkan peningkatan pemahaman pelajar melalui respons lisan dan aktiviti aplikasi hukum dalam kelas. Pelajar yang terlibat secara aktif dalam permainan dan perbincangan turut mencatat peningkatan skor dalam ujian pos, mengukuhkan hubungan antara penglibatan afektif dan kognitif dalam pembelajaran tajwid (Hassan et al., 2022).

### 3.3.3. Kesimpulan Triangulasi

Triangulasi data yang dijalankan membuktikan konsistensi dan sinergi antara dapatan kuantitatif dan kualitatif. Peningkatan skor ujian pos dan markah permainan berkumpulan (data kuantitatif) disokong kuat oleh bukti pemerhatian terhadap penglibatan respons lisan dan ekspresi minat, penglibatan aktif, peningkatan kefahaman dan aplikasi pengetahuan dalam konteks baharu (data kualitatif). Fenomena ini mengesahkan bahawa peningkatan penguasaan kognitif hukum tajwid adalah berkait rapat dengan peningkatan dimensi psikososial iaitu keyakinan, interaksi, dan motivasi intrinsik pelajar.

Kejayaan strategi pembelajaran berasaskan visual dan interaktif ini disokong kuat oleh Teori Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (Dunn & Dunn, 1978). Penggunaan media *flashcard* secara langsung memenuhi preferensi pelajar Visual (Rangsangan Fizikal), manakala penekanan kepada penerapan secara kolaboratif memenuhi preferensi Sosiologi (belajar bersama rakan sebaya). Lebih penting lagi, peningkatan keyakinan dan minat membuktikan keberkesanan kaedah ini dalam memenuhi rangsangan Emosi, memastikan pelajar mencapai tahap motivasi intrinsik yang optimum untuk pemahaman maksimum.

Secara inferens, dapatan kajian ini bukan sahaja mengesahkan keberkesanan media *flashcard* sebagai alat bantu mengajar, malah memperkukuh hujah bahawa strategi pembelajaran yang menggabungkan rangsangan visual dan interaktif wajar diutamakan. Implikasi kajian ini mencadangkan bahawa penyesuaian kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) mengikut preferensi gaya pembelajaran pelajar berjaya mengoptimumkan pemindahan ilmu dan pengukuhan pemahaman bagi subjek Pendidikan Islam.

### 3.4 Refleksi Pelaksanaan Intervensi

Berdasarkan analisis skor yang direkodkan dalam Jadual 3 dan Jadual 4, terdapat peningkatan yang konsisten dalam pencapaian pelajar dari minggu pertama hingga minggu keempat pelaksanaan intervensi. Perkara ini menunjukkan bahawa kaedah pengajaran tajwid berasaskan permainan menggunakan media *flashcard* memberi kesan positif terhadap tahap pemahaman pelajar terhadap hukum nun sakinah dan tanwin.

Pemerhatian menunjukkan pelajar memberikan kerjasama yang sangat baik dan interaksi konstruktif semasa aktiviti media *flashcard*, sejajar dengan penemuan Rifai & Nurhaliza (2023) mengenai impak positif *flashcard* terhadap pencapaian kognitif dan motivasi. Namun, kejayaan kajian ini lebih signifikan kerana ia berjaya mencipta sinergi pembelajaran sosial yang mendalam. Faktor kritikalnya ialah kualiti interaksi konstruktif dan sokongan rakan sebaya yang tinggi. Interaksi ini berfungsi sebagai perancah (*scaffolding*) yang membolehkan pelajar membina pemahaman bersama dan mengatasi kesukaran konsep. Keadaan ini selari dengan Konstruktivisme Sosial (Vygotsky, 1978) yang memastikan penglibatan afektif yang tinggi menyokong proses kognitif secara optimum, sekali gus menghasilkan pencapaian ujian pos yang lebih konsisten dan tinggi berbanding kajian terdahulu yang hanya menumpu pada alat bantu mengajar. Selain itu, pengulangan secara tidak langsung yang berlaku semasa permainan membantu pelajar untuk mengingat hukum dan huruf-huruf yang terlibat dengan lebih berkesan. Pelajar dilihat mula mengenali dan membezakan hukum serta huruf mad dengan lebih yakin, hasil daripada pembetulan dan panduan yang diberikan oleh penyelidik secara berterusan sepanjang aktiviti. Kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa penggunaan *flashcard* dalam pengajaran hukum tajwid dapat meningkatkan hasil pembelajaran dari aspek kognitif dengan ketara (Annur et al., 2023; Baihaqi et al., 2024).

Refleksi ini memperlihatkan bahawa pendekatan visual dan interaktif seperti media *flashcard* bukan sahaja merangsang kognitif pelajar, tetapi turut memberi impak terhadap aspek afektif seperti keyakinan diri, minat dan motivasi terhadap pembelajaran tajwid. Suasana pembelajaran yang positif dan bersifat kolaboratif turut mendorong pelajar yang lemah untuk lebih terlibat, sekali gus menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih inklusif dan bermakna.

## 4. KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan media *flashcard* sebagai kaedah untuk membantu pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran hukum tajwid memberi kesan yang positif terhadap penguasaan pelajar. Kaedah ini bukan sahaja berjaya meningkatkan tahap



kefahaman pelajar terhadap hukum nun sakinah dan tanwin, malah turut menggalakkan penglibatan aktif serta membina minat yang lebih mendalam dalam kalangan pelajar terhadap pembelajaran tajwid. Pendekatan gaya pembelajaran berasaskan visual seperti media *flashcard* ini terbukti mampu membantu pelajar mengenal, mengingat dan membezakan hukum tajwid dengan lebih mudah dan berkesan. Sepanjang pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, pelajar dilihat lebih fokus, responsif serta menunjukkan minat yang tinggi untuk terus mengikuti aktiviti yang dijalankan. Suasana kelas menjadi lebih interaktif, menyeronokkan dan tidak terlalu bersifat pasif seperti pendekatan konvensional. Ini secara tidak langsung membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyokong pencapaian objektif pengajaran. Aktiviti yang dirancang dengan baik menggunakan media *flashcard* bukan sahaja meningkatkan pencapaian pelajar dalam ujian pos, tetapi juga mendedahkan potensi sebenar mereka dari aspek kognitif dan afektif. Dapatan kajian ini juga memberikan gambaran bahawa pelajar hari ini lebih cenderung kepada kaedah pembelajaran yang bersifat kreatif, visual dan mudah difahami. Kebergantungan sepenuhnya kepada kaedah tradisional yang berasaskan ceramah dan nota mungkin tidak lagi relevan sepenuhnya dalam memenuhi keperluan gaya pembelajaran generasi masa kini. Oleh itu, adalah penting bagi pendidik untuk sentiasa mencari pendekatan yang inovatif dan fleksibel agar pengajaran yang disampaikan lebih dekat dengan kehendak dan kecenderungan pelajar. Tuntasnya, penggunaan media *flashcard* telah membuka ruang baharu dalam pengajaran hukum tajwid yang lebih menarik, efektif dan berkualiti. Keberkesanan kaedah ini sewajarnya diberi perhatian serius dan dikembangkan lagi dalam pelbagai bentuk pengajaran lain yang melibatkan subjek al-Quran dan tajwid. Diharapkan dapatan kajian ini dapat menjadi rujukan berguna kepada para pendidik dalam usaha memperkaya kaedah pengajaran yang lebih mesra pelajar, serta menyumbang ke arah peningkatan prestasi dan kemenjadian pelajar dalam bidang Pendidikan Islam secara menyeluruh.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Kami mengisytiharkan tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan kajian ini.

## REFERENCES

- Agensi Kelayakan Malaysia. (2013). Programme standards: Islamic studies. Agensi Kelayakan Malaysia. [https://www2.mqa.gov.my/qad/v2/garis panduan/2013/PS\\_Islamic\\_Studies.pdf](https://www2.mqa.gov.my/qad/v2/garis panduan/2013/PS_Islamic_Studies.pdf)
- Annur, N., Fitriani, F., Marwiyah, S., & Zainuddin, F. (2023). The effectiveness of flashcard media in improving students' cognitive abilities in learning Tajwid rules. *Journal of Social Science Education*, 1(1), 1–7. Retrieved from <https://ssed.or.id/journal/josse/article/view/53>
- Anugrah, S., & Siregar, H. S. (2020). Improving students' learning motivation through *flashcard* media. *International Journal of Educational Research and Social Sciences (IJERSC)*, 1(3), 203–210.
- Aulia, K. (2021). *Pengembangan media flashcard pada materi sistem ekskresi kelas VIII MTs Guppi Samata* [Tesis sarjana, Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar].
- Azarnoosh, M. (2014). The effect of color-coded materials on vocabulary learning of Iranian EFL learners. *Journal of Language Teaching and Research*, 5(5), 1104–1109. <https://doi.org/10.4304/jltr.5.5.1104-1109>
- Azizah, N. A. (2019). Pengembangan aplikasi “Smart Tajwid” Berbasis android untuk meningkatkan motivasi belajar tajwid siswa pada mata pelajaran Pendidikan Agama Islam. *Edulab : Majalah Ilmiah Laboratorium Pendidikan*, 4(1), 47–70. <https://doi.org/10.14421/edulab.2019.41-04>
- Bujak, K. R., Radu, I., Catrambone, R., MacIntyre, B., Zheng, R., & Golubski, G. (2013). A psychological perspective on augmented reality in language learning: *The ARbis Pictus model*. *Computers & Education*, 68, 1–14. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2013.02.019>
- Dunn, R., & Dunn, K. (1978). *Teaching students through their individual learning styles: A practical approach*. Reston Publishing Company.

- Dunn, R. S., & Dunn, K. J. (1993). *Teaching secondary students through their individual learning styles: Practical approaches for grades 7–12* (1st ed.). Allyn & Bacon. Retrieved from <https://archive.org/details/teachingsecondar0000dunn>
- Dzulkifli, M. A., & Mustafar, M. F. (2013). The influence of colour on memory performance: a review. *The Malaysian journal of medical sciences : MJMS*, 20(2), 3–9. Retrieved from <https://pmc.ncbi.nlm.nih.gov/articles/PMC3743993/>
- Fahim, A. (2024). *An English Translation of Hidayatul Mustafid fi Ahkaamit-Tajweed*. Dar Makkah International. ISBN: 9789953506296.
- Faridah Mahadi, Husin, M. R., & Md Hassan, N. (2022). Gaya pembelajaran: Visual, auditori dan kinestetik. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(1), 29–36. <https://doi.org/10.36079/lamintang.jhass-0401.341>
- Irada, C. Y., & Setiawan, H. R. (2024). Hubungan penggunaan media *flashcard* dengan hasil belajar peserta didik pada mata pelajaran ilmu tajwid di SMP IT Iqra' Medan. *Journal of Education Research (Jurnal Pendidikan Islam)*, 5(2), 1850–1860. <https://doi.org/10.37985/jer.v5i2.1087>
- Jaafar, H. H., & Mat Said, M. H. (2019). Inovasi pengajaran untuk menarik minat pelajar menguasai ilmu Tajwid. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 4(2), 8-17. <https://journal.ump.edu.my/ijhtc/article/view/3387>
- Kemmis, S., & McTaggart, R. (1988). *The Action Research Planner*.
- Maryanto, R. I. P. Wulanata, I. A. (2018) 'Penggunaan media *flashcard* untuk meningkatkan pengenalan bentuk huruf siswa kelas i pada mata pelajaran Bahasa Indonesia di Sekolah Abc Manado', *Pedagogia*, 16(3), 305. <https://doi.org/10.17509/pdgia.v16i3.12073>
- Farhan, M. (April 2, 2020). irshad hukum siri ke-482: Hukum membaca Al-Quran dengan bertajwid. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/4409-irsyad-al-fatwa-siri-ke-482-hukum-membaca-al-Quran-dengan>
- Munthe, B., & Sitinjak, M. D. (2019). Improving students' vocabulary mastery by using *flashcard*. *Budapest International Research and Critics in Linguistics and Education (BirLE) Journal*, 2(4), 112–118.
- Munthe, A. P., dan Sitinjak, J. V. (2019). Manfaat serta kendala menerapkan *flashcard* pada pelajaran membaca permulaan. *Jurnal Dinamika Pendidikan* 11(3):210
- Norwadatun, M. R., Maisarah, S., & Siti Rosilawati, r. (2021). Kemahiran bacaan al-quran secara bertajwid di kalangan pelajar sekolah menengah harian: Satu tinjauan awal. *Proceedings of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021) FPQS*, Universiti Sains Islam Malaysia, 6-7 October 2021
- Novriadi, D., & Firmasari, D., (2022). Implementasi media pembelajaran berbasis multimedia pada materi tajwid dalam meningkatkan hasil belajar siswa. *Media Informasi Pendidikan Islam. At-Ta'lim*, 21(2), 147-163 DOI:10.29300/attalim.v21i2.8417
- Aziz, N. A. A., & Jaafar, N. (2018). Penguasaan pembelajaran Al-quran berbantuan aplikasi multimedia interaktif Smart Iqra': Kajian di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Pulau Pinang. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(2), 24-36. DOI:10.33102/jqss.vol2no2.16
- Rashidah Md Hasan, Nik Rosila Nik Yaacob, Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya. (2015). Pencapaian kelancaran bacaan, fasahah dan hukum tajwid dalam tilawah al-Quran murid sekolah rendah: satu tinjauan awal, International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship. pp. 511-518. DOI: 10.13140/RG.2.1.1362.1842
- Padriyanti, Zakir, S., Akbar, M. A., Hilmi, M., & Yakin, L. N. (2024). *Learning Qira'ah Al-Qur'an using the Tilawati mobile application in the digital era*. *INTIHA: Islamic Education Journal*, 2(1), 202–209. <https://doi.org/10.58988/intiha.v2i1.324>
- Rifai, & Nurhaliza, Z. (2023). Effect of using AnkiDroid on cognitive learning outcomes of Islamic religious education. *Journal of Education Insight*, 2(1), 37–47. <https://doi.org/10.61978/eduscape.v2i1.164>
- Rogers, C. R. (1969). *Freedom to learn*. Charles E. Merrill.
- Sari S., Wahidah, I.I.N., Wati, S., Fadiana, D., & Tarihoran, N. (2024). The use of *flashcards* and its effectiveness in ELT: A systesakinahc review. *Jurnal Pendidikan dan Keguruan*, 2(7), 884-897. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/381887113>
- Thaha, S. (2016). Panduan Lengkap dan Praktis Ilmu Tajwid, Jawa Barat: Fathan Prima Media
- Wahyuni, S. (2020). Penerapan Media Flash Card untuk Meningkatkan Hasil Belajar Tema “Kegiatanku.” 4(1), 9–16. <https://doi.org/10.23887/jisd.v4i1.23734>
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.

- Wati. I. K., Oka. I. G., & Padmadewi. N. N. (2021). Penggunaan *flash card* dalam meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa inggeris peserta didik. *Indonesian Gender and Society Journal* , 1(2), 41-49. <https://doi.org/10.23887/igsj.v1i2.39081>
- Zulkifli, S., & Hamid, N. (2022). Visual strategies in islamic pedagogy. *Journal of Islamic Education Studies*, 8(2), 45–56. <https://doi.org/10.15282/jies.v8i2.131>